

Benteng pantai lokasi sampah

B/H 21/2/12 MS2

MOHD SHUKOR AMIN | BERITA HARIAN

Penduduk Kampung Parit Tujuh terpaksa hidu bau busuk, asap

Oleh Mohd Shukor Amin
bhnews@bharian.com.my

SUNGAI BESAR: Penduduk di sekitar Kampung Parit Tujuh, berhampiran pantai dan pondok Ikatan Relawan (RELA) Sungai Leman, di sini, memendam rasa sejak hampir enam bulan lalu apabila ada pihak tertentu menjadikan benteng pantai di situ sebagai tempat pembuangan sampah haram.

Selain terpaksa berdepan masalah sampah, penduduk berhampiran juga terpaksa menghidu asap dan bau yang menyakitkan hidung akibat sampah berkenaan dibakar pihak tertentu sehingga menimbulkan masalah kesihatan.

Tinjauan *Sentral* mendapati pihak tidak bertanggungjawab berkenaan membuang sekam padi, kayu bangunan, ranting, bulu ayam, sisa perniagaan, peralatan rumah lama dan sampah-sarap di atas benteng dan sebahagiannya jatuh ke pantai.


Pengusaha Inap Desa Papisulem, Muslih Darus, 49, berkata tempat pembuangan sampah haram itu turut mencemarkan pemandangan tempat penginapan itu.

"Pelawat yang ingin di Inap Desa mahu melihat pantai dan laut serta menikmati pengalaman mencari remis dan siput di pantai.

"Bagaimanapun, keadaan benteng seperti ini tentunya memalukan kami dan penduduk kampung," katanya kepada *Sentral*.

Beliau berkata, masalah berkenaan secara tidak langsung membuktikan kegagalan Jawatankuasa Kecil Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) mentadbir kampung dalam mengekalkan keindahan dan keceriaan kampung.

"Isu tempat pembuangan dan pem-



Masalah berkenaan secara tidak langsung membuktikan kegagalan Jawatankuasa Kecil Kemajuan dan Keselamatan Kampung mentadbir kampung dalam mengekalkan keindahan dan keceriaan kampung

Muslih Darus
Pengusaha Inap
Desa Papisulem

bakaran sampah haram ini sudah tentu akan tersebar sehingga menjejaskan keinginan pelawat untuk mengunjungi inap desa," katanya.

Pada masa sama, katanya, akibat asap daripada pembakaran sampah itu juga, anak lelakinya berusia 28 tahun yang menghidap asma sering mengalami sesak nafas dan terpaksa mendapatkan rawatan.

Difahamkan, pembakaran itu bertambah serius sebelum Tahun Baru



PEMBUANGAN sampah berterusan boleh menjejaskan ekosistem pesisir pantai di Kampung Parit Tujuh, Sungai Besar:

Cina baru-baru ini dan walaupun hujan lebat sejak beberapa hari lalu, tempat pembakaran itu masih terus mengeluarkan asap.

Penduduk, Muhammad Salim, 46, berkata, tiga anak kecil daripada tujuh anaknya sering batuk akibat terhidu asap berkenaan.

"Bukan saja ia menjejaskan kesihatan anak kecil, asap berkenaan turut menyebabkan pakaian yang dijemur berbau asap," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Masyarakat Kampung Parit Tujuh Sungai Leman, Miskan Tamsir, berkata keluhan masyarakat mengenai aktiviti pembuangan dan pembakaran sampah itu perlu diberikan perhatian.

"Penduduk sudah tidak tahan lagi terutama ketika angin bertiup dari arah laut membawa ke darat kerana asap yang terhasil dari pembakaran sampah dibawa angin sejauh satu kilometer," katanya.